

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JTW 108 – Makroekonomi

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan pilih TIGA (3) soalan daripada Bahagian B.

Tuliskan jawapan anda dalam ruangan yang disediakan.

Alat mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan.

Anda boleh menggunakan mana-mana ruang yang terdapat pada kertas soalan ini menjalankan penghitungan anda.

Serahkan KESELURUHAN kertas peperiksaan ini kepada Ketua Pengawas di akhir sidang peperiksaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan disiplin.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

BAHAGIAN A (Jawab SEMUA soalan)

1. (a) Penuhkan jadual dibawah;

Pendapatan	Penggunaan	Tabungan	Kecenderungan Penggunaan Purata (APC)	Kecenderungan Menabung Purata (APS)
1200	1060			0.12
1400	1200			
1500		200		
1600		220	0.86	

(5 markah)

- (b) Apakah perbezaan di antara mikroekonomi dan makroekonomi?

(2 markah)

- (c) Jelaskan secara ringkas mana-mana tiga objektif makroekonomi.

(3 markah)

(d) Apakah yang dimaksudkan oleh KDNK atau Keluaran Dalam Negara Kasar?

(2 markah)

(e) Apa pula yang dimaksudkan dengan KNK atau Keluaran Negara Kasar?

(2 markah)

- (f) Apakah yang membezakan di antara KDNK dan KNK?
(2 markah)
- (g) Apakah rajah aliran pusingan pendapatan dan lakarkan bagi model 2 sektor?
(6 markah)

...5/-

2. Andaikan ini adalah sebuah model ekonomi.

$$C = 100 + 0.75Yd$$

$$I = 200$$

$$G = 150$$

$$T = 0.15Y$$

$$X = 100$$

$$M = 0.5Y$$

Dimana

Y = pendapatan aggregat

C = perbelanjaan penggunaan

I = perbelanjaan pelaburan

G = perbelanjaan kerajaan

T = cukai

X = eksport

M = impot

- (a) Kirakan keseimbangan pendapatan negara.

(4 markah)

- (b) Apakah perbelanjaan penggunaan pada tingkat keseimbangan pendapatan negara?

(2 markah)

- (c) Dalam model ini, apakah dasar belanjawan yang diamalkan pada tingkat keseimbangan ini.

(2 markah)

(d) Dapatkan saiz pengganda pelaburan.

(3 markah)

(e) Sekiranya pada tingkat guna tenaga penuh, pendapatan negara adalah sebanyak 1000. apakah masalah yang dihadapi oleh model ekonomi ini.

(3 markah)

- (f) Berapa banyakkah kerajaan perlu menambahkan perbelanjaannya bagi mencapai tingkat keseimbangan guna tenaga penuh?

(3 markah)

- (g) Lakarkan rajah yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi di (e).

(3 markah)

3. Katakan $M = 2,500$, $V = 16$ dan $Y = 8,000$, dimana M = penawaran wang, V = halaju pergerakan wang dan Y = output atau keluaran.

(a) Berdasarkan maklumat di atas, dapatkan tingkat harga bagi model itu.

(3 markah)

(b) Jika M atau penawaran wang meningkat sebanyak 20%, berapakah peratus perubahan yang berlaku kepada tingka harga, P .

(2 markah)

(c) Apakah implikasi, jika penawaran wang meningkat?

(2 markah)

4. Anda adalah seorang pengusaha dan anda telah mendapat dua peluang atau projek yang memerlukan modal yang sama tetapi pulangan kedua-dua projek tersebut adalah berbeza. Di bawah disertakan beberapa maklumat yang berkaitan dengan projek-projek tersebut.

	Projek A	Projek B
Modal yang diperlukan	50,000	50,000
Pulangan		
Tahun 1	10,000	1,000
Tahun 2	25,000	5,000
Tahun 3	15,000	15,000
Tahun 4	25,000	54,000
Kadar faedah semasa	7%	7%

Berdasarkan maklumat di atas, jawab soalan-soalan berikut;

- (a) Dapatkan nilai kini bersih bagi projek A.

(5 markah)

(b) Dapatkan nilai kini bersih bagi projek B.

(5 markah)

(c) Berdasarkan pengiraan anda, dalam projek manakah akan anda laburkan jika anda hanya diberi pilihan untuk melaksanakan satu projek sahaja. Berikan alasan anda.

(3 markah)

5. Bincangkan secara ringkas keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar dalam mengawal keadaan ekonomi dengan menggunakan pendekatan keluk IS-LM dimana bentuk keluk LM adalah berbeza.

(a) Dasar fiskal

(4 markah)

(b) Dasar kewangan

(4 markah)

BAHAGIAN B (Jawab TIGA (3) soalan sahaja)

6. Tuliskan secara ringkas mengenai perkara-perkara berikut;

(a) M1, M2 dan M3

(5 markah)

(b) Perangkap kecairan Keynes

(5 markah)

7. Bincangkan secara ringkas teori permintaan wang Kenyes dan lakarkan dengan rajah yang berseuaian.

(10 markah)

Angka Giliran: _____

[JTW 108]

- 15 -

8. Bincangkan secara ringkas bagaimanaimbangan perdagangan antarabangsa dikira.

(10 markah)

...16/-

9. Bincangkan secara ringkas sistem kadar pertukaran asing yang pernah dilaksanakan.

(10 markah)